

04 NOV 2001

Rafidah-Perdagangan

M'SIA SAMBUT BAIK KONSEP KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS ASEAN-CHINA

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Nov (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata Malaysia menyambut baik konsep Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) Asean bersama China.

Bercakap kepada pemberita selepas tiba di sini bagi sidang kemuncak Asean ketujuh yang bermula esok, Rafidah berkata Menteri-menteri Asean akan disyorkan untuk menerima satu kajian yang dijalankan terhadap FTA Asean-China yang menurut beliau harus menumpu pada seluruh spektrum hubungan ekonomi China-Asean.

"Kita akan mengkaji pelaksanaannya secara peringkat-peringkat sebelum memasuki sepenuhnya konsep FTA Asean-China," kata beliau lagi.

Dalam memperkukuhkan kerjasama ekonomi, sebelum itu dilaporkan yang China menyeru penubuhan satu Kumpulan Pakar di bawah Usahasama Asean-China untuk mengkaji kerjasama ekonomi dan perdagangan antara Asean dan China dengan mempertimbangkan implikasi kemasukan China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan kemungkinan mewujudkan hubungan perdagangan bebas antara Asean dan China.

Kumpulan Pakar itu telah bertemu buat pertama kali di Beijing pada April dan kini syor kajian itu akan disampaikan semasa sidang kemuncak Asean-China di sini.

Sementara itu, selain daripada cadangan FTA Asean-China, sumber-sumber berkata hal-hal lain ekonomi yang mendapat perhatian semasa Sidang Kemuncak itu termasuk Sistem Pilihan Bersepadu Asean (AISP) dan juga kajian kompetitif mengenai Asean.

Sementara itu Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam satu persidangan berita bersama para wartawan Malaysia hari ini berkata, sesi sidang kemuncak pagi esok akan menyaksikan pemimpin-pemimpin membincangkan isu-isu ekonomi seperti kelembapan ekonomi global dan juga langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegah ekonomi-ekonomi Asean daripada terjejas teruk kerana kelembapan ekonomi Amerika.

Beliau berkata, ekonomi Amerika telahpun mula memasuki kancan kemelesetan sebelum serangan pengganas pada 11 Sept dan kini telah bertambah buruk, menjejaskan perdagangan global dan pelaburan.

Juga, dalam pertimbangan ialah usaha-usaha untuk mempercepatkan integrasi ekonomi Asean yang akan menyaksikan perbincangan, antara lain, bertumpu pada Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dan hal-hal berkaitan pelaburan, kerjasama kewangan dan tenaga.

Topik-topik perbincangan esok juga akan diperluaskan untuk turut memasukkan Kerjasama Pembangunan Lembaga Mekong Asean dengan satu mesyuarat telah ditetapkan pada Oktober bagi penyertaan anggota-anggota bukan Asean dalam pembangunan Lembaga Mekong.

Syed Hamid berkata Jepun dan Korea dijemput sebagai anggota teras dalam hal ini.

Buat sementara, mesyuarat Asean+3 (membabitkan rakan-rakan dialog Asean iaitu China, Jepun dan Korea Selatan) akan diadakan pada sesi sebelah petang yang, antara lain, termasuk perbincangan laporan dan syor Kumpulan Wawasan Asia Timur (EAVG).

EAVG dimulakan oleh Korea di Hanoi pada 1998 untuk membincangkan kerjasama jangka panjang di rantau.

Syed Hamid berkata selepas berakhirnya hari pertama sidang kemuncak itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan persidangan berita untuk merangkum intipati hari pertama mesyuarat itu.

Sebelum itu, beliau akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin Korea dan Kemboja.

-- BERNAMA

SHO MUN PR